

KEPADA ANGGOTA IKHWAN....

Sebaik-baik tauladan bagi kehidupan perjuangan kita ialah perjalanan hidup dan perjuangan Rasulullah (SAW) – junjungan kita yang berjasa menunjukkan kaedah-kaedah berjuang sehingga berjaya dalam menyampaikan seruan Tuhannya. Bacalah, saudara-saudara, sejarah perjuangan beliau – riwayat hidup beliau supaya dapat kita memahami bagaimana caranya berjuang meninggikan kalimah Tuhan sehingga berjaya.

Saudara-saudara anggota Ikhwan tentu telah mendalami hal ini. Perkembangan Islam yang dikembangkan oleh Rasulullah (SAW) itu bukanlah dengan suatu cara yang berserah bulat-bulat kepada kudrat Tuhan tetapi perkembangan agama Islam itu dijalankan dengan kuasa tabii, kekuatan jasmani dan rohani, dengan kemahuan yang kuat dan keyakinan yang tidak berganjak dengan mendapat panduan dari Tuhan yang Maha Berkuasa.

Mula-mula kita lihat junjungan kita itu bahawa usaha perkembangan Islam yang dijalankan oleh beliau ialah rumahtangganya. Kemudian mencari kawan-kawan yang boleh menerima faham-faham itu dan apabila kawan-kawan banyak (berpuluh-puluh) maka beliau memulai langkah mengembangkan Islam dengan berterang-terang di hadapan umum, menghadapi umat yang dalam kesesatan kemudian apabilan dengan langkah-langkah itu mendapat halangan-halangan yang hebat dari kaum Musyrikin dan Islam payah berkembang di Mekah – dihalangi dengan menggunakan kekerasan – maka akhirnya beliau berpindah ke Madinah mencari tempat yang subur bagi mengembangkan Islam.

Di Madinah juga beliau diburu dan dicuba kerasi untuk menjalankan pengajaran-pengajaran dari Tuhan dan apabila junjungan kita merasa sudah ada kekuatan di tangan beliau maka dengan tegasnya beliau melawan tindasan-tindasan itu dengan menggunakan kekerasan – mereka melakukan pembelaan walaupun dengan penumpahan darah.

Dalam gambaran sejarah ini, dapat saudara-saudara anggota Ikhwan lihat bagaimana kita dikehendaki menegakkan kalimah Tuhan – bagaimana cara menyusun kerja-kerja kita untuk menegakkan perintah supaya hukum Tuhan berdiri di mana mereka berada. Bandingkanlah dengan keadaan dan cara kita bekerja sekarang – tentulah jauh berbeza dan berlainan daripada cara dan kaedah yang dijalankan oleh Rasulullah (SAW) yang perjalanannya adalah mengikut sunnah Tuhan di dalam kejadian di bumi ini.

Cuba saudara-saudara anggota Ikhwan perhatikan dengan saksama tentang apa yang dijadikan Tuhan di bumi ini. Pokok tidak ada terus tumbuh dan besar tetapi ia hidup dari kecilnya. Mulai tumbuh tidak ke atas tetapi memulai dengan mencari tapak, memasuki tanah (rumahnya) untuk mencari kekuatan – kemudian menumbuh sedikit ke atas dan melebarkan akarnya keluar (masyarakat kampungnya) supaya bertambah kuat dan bertambah tegap pokok itu.

Cuba kita lihat pula kejadian anak-anak binatang yang melata – mereka tidak terus berjalan atau berlari tetapi dari semasa ke semasa berlatih untuk

mencari kekuatannya dengan latihan-latihan diberi dan apabila ada kekuatan ia mulai mengadakan perlawanan dengan senjata tangis untuk mendapat apa yang dikehendakinya dan kemudian seterusnya sehingga apabila membesar maka ia akan menggunakan tenaganya sendiri untuk mendapat apa yang dihajat atau yang dikehendaki olehnya.

Semuanya yang dijalankan oleh Rasulullah (SAW) dalam mengembangkan agama itu, tidak sekali-kali bersalahan dengan sunnah Tuhan yang menjadikan alam semesta supaya tiap-tiap perkembangan itu dijalankan dengan hanya kudrat Tuhan semata.

Kita perhatikan pula bahawa Rasulullah (SAW) di dalam usaha mengembangkan Islam itu menghendaki bahawa apa yang mereka perjuangkan semata-mata untuk mencari keredaan Tuhan – tidak berhajat kepada kemewahan dan kesenangan diri. Mereka cukup mengerti bahawa mereka dikehendaki terlebih dahulu mengorbankan harta-harta mereka untuk menyelenggarakan usaha menegakkan Islam dan masyarakatnya, dan kerana itulah kita melihat di dalam sejarah perkembangan Islam terutamanya masa di Madinah al-Munawwarah, sahabat-sahabat dan beliau sendiri, bersama-sama menggalakkan supaya berusaha untuk mendapatkan kebendaan (perolehan) dan apabila mereka dapat mereka berikan atau berkorban untuk jalan Allah – tidak hanya untuk kesenangan diri sendiri; dan apabila tiba pula saat pengorbanan jiwa dikehendaki untuk menegakkan kalimah Tuhan maka sahabat-sahabat yang berharta dan mempunyai kemampuan itu sama-sama berjuang dengan jiwanya untuk menegakkan kalimah Tuhan.

Apakah yang dicari oleh mereka itu, wahai saudara-saudara anggota Ikhwan?! Jawabnya tidak lain ialah mencari keredaan Tuhan! Mereka memandang hidup adalah untuk sementara! Kesenangan yang didapat di dunia ini

adalah hanya untuk sementara tetapi kesenangan yang abadi, yang kekal karar bukannya di dunia tetapi di akhirat nanti, di sisi Tuhan seru sekalian alam, mereka akan mendapat kesenangan yang kekal karar tidak berkesudahan, sebagai tentera-tentera Allah yang berjasa menegakkan kalimah Tuhan tatkala mereka berada sementara di dunia ini!

Kerana itulah mereka ingin mendapat kematian di medan perang, ingin menjadi orang yang syahid di dalam perjuangan untuk mencari keredaan Tuhan dengan mengorbankan harta dan nyawanya sekali.

Kajilah, saudara-saudara anggota Ikhwan, sejarah perkembangan Islam pada zaman Rasulullah (SAW) dan zaman sahabat-sahabat beliau dengan saksama; dan jadikanlah sejarah perjuangan beliau itu sebagai panduan hidup kita supaya kita pun menjadi orang-orang yang menuntut atau mencari keredaan Tuhan, yang siap sedia akan menjadi tentera Allah untuk menegakkan kalimah Tuhan dengan mengorbankan harta, dan kalau perlu, dengan nyawa kerana agama Allah yang diwajibkan Allah untuk mengerjakannya.

Kita mesti ingat bahawa pada zaman ini banyak orang-orang dengan berbagai-bagai cara dan gaya menghendaki kita menjadi kafir menjadi orang yang berpaling daripada jalan Allah. Peringatan ini ada disebut oleh Tuhan di dalam ayat 89 surah *al-Nisā'* yang maksudnya:

“Mereka suka jika kamu kufur sebagaimana mereka kufur, supaya kamu jadi sama. Lantaran itu janganlah kamu ambil (jadikan) sahabat dari mereka hingga mereka berhijrah pada jalan Allah. Tetapi jika mereka berpaling (dan jika jadi peperangan antara kamu dengan mereka – P) maka tawanlah akan mereka dan bunuhlah di mana-mana sahaja kamu bertemu mereka, dan janganlah kamu jadikan diri mereka seorang sahabat dan jangan

– sambungan ke muka 30

berlaku di Indonesia.

Seorang ulama Masyumi yang tidak berpuas hati dengan keadaan sekarang telah pernah mengatakan bahawa sejarah perkembangan Islam tidak membenarkan lagi cara ini diperjuangkan. Sejarah Rasulullah (SAW) sendiri menunjukkan bahawa tatkala baginda memulai perkembangan Islam baginda memulai di rumahnya, kemudian ke masyarakatnya kemudian apabila ditindas, sedang Rasulullah (SAW) masa tidak mempunyai kekuatan, beliau terpaksa berpindah tetapi apabila beliau mempunyai kekuatan maka dengan tidak berlengah lagi Rasulullah menunjukkan kekuatan yang ada – dan menghalalkan darah yang memusuhi Islam, atau yang menghalang perjalanan Islam.

Ulama ini menyatakan bahawa sekarang sudah terang, Sukarno dan Komunis yang mengikutinya menghendaki orang-orang Islam itu kafir, keluar daripada kepercayaannya bahawa mereka diwajibkan untuk menegakkan hukum-hukum Allah mereka sudah pada tempatnya bagi umat Islam di Indonesia menyertai perjuangan-perjuangan yang dijalankan oleh tentera-tentera Islam yang bertujuan menegakkan *Dār al-Islām* di Jawa Barat, di Sulawesi dan di Aceh itu.

Tatkala ditanya: apakah alasan beliau mengharuskan perjuangan dengan darah untuk menegakkan Islam di Indonesia? Beliau menyatakan bahawa umat Islam di Indonesia sudah mempunyai kekuatan untuk menegakkan kalimah Tuhan itu yang tidak akan berjaya lagi diperjuangkan di dalam dewan-dewan negeri. “Kita akan dibawa oleh mereka kepada jalan kafir.” Katanya sambil membacakan ayat:

*Wadū law takfurūn kamā kafurū fatakinūna sawā’an
Falā tattakhadhū minhum awliyā’a ḥattā yuhājirū fī sabīli’Llah
Fa’inna tawallaw fakhudhuhum ḥaithu wajad tumūhum
wa lā tattakhidhū minhum waliyyān wa lā naṣīrā* (Q. al-Nisā’ 89)

Ertinya: Mereka suka jika kamu kufur sebagaimana mereka kufur supaya kamu jadi sama. Kerana itu janganlah kamu ambil sahabat-sahabat dari mereka, hingga mereka berhijrah di jalan Allah. Tetapi jika mereka berpaling maka tawanlah akan mereka dan bunuhlah mereka di mana-mana sahaja kamu bertemu mereka. Janganlah kamu jadikan dari mereka seorang sahabat dan jangan seorang pembantu.

Ayat ini, kata beliau, diturunkan kepada orang munafik dan sudah pada tempatnya sekarang bahawa orang-orang _____
– sambungan dari muka 21
seorang pembantu”.

Dengan ayat ini jelas dan terang bagaimana kita menghadapi orang-orang yang mengajak atau menyukai kita menjadi kufur. Kita sudah melihat bahawa ada orang-orang yang telah menjadi munafik yang berpura-pura menyebelah kita tetapi hakikatnya mengajak kita kepada kufur. Kita wajib bertanya: adakah sudah cukup kekuatan kita untuk memerangi mereka itu dengan kekuatan? Jika kita dapati belum maka sudah pada tempatnya kita, anggota-anggota Ikhwan, berjalan berbalik kepada contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah (SAW) di dalam sejarah hidupnya untuk berusaha kepada jalan itu dengan suatu cara jangka panjang: bekerja menegakkan kalimah Tuhan di mana kita berada dari sekarang juga.

Jika saudara-saudara anggota Ikhwan lalai daripada kewajipan ini maka jawablah kelak di hadapan Tuhan di hari pertanyaan nanti, apa yang saudara-saudara telah kerja dan usahakan semasa di dunia untuk menegakkan kalimah Tuhan yang diwajibkan ke atas tiap-tiap pemeluknya.

Mudah-mudahan Tuhan membukakan hati kita bersama untuk menegakkan kewajipan itu – Amin. ***